

28/05/1998

Emtek '98 celikkan masyarakat luar bandar

Mohd Shah Abdullah

SEHELAI kain rentang terpampang di bandar Kota Bharu, Kelantan mengucapkan `Selamat Datang Yang Dikasihi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke majlis perasmian Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan (Emtek '98)'. Pameran multimedia ini dikatakan terbesar pernah dianjurkan di sebuah kawasan luar bandar dan akan berlangsung esok, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Chabang Empat, Tok Mek Ngah, Tumpat.

Atas kebijaksanaan penganjur, Emtek '98 terbukti berjaya menggembleg syarikat besar dalam teknologi maklumat (IT) dan multimedia untuk mengambil bahagian menjayakan pameran itu manakala Telekom Malaysia Berhad (Telekom) bertindak selaku penaja utama.

Program promosi bagi menaja idea pameran itu bermula sejak setahun lalu bagi memastikan kejayaan pelaksanaannya. Yayasan Pasir Mas (YPM) menggerakkan jentera kempen dan promosi cukup hebat. Sebuah papan besar di Pasir Pekan, Tumpat menempatkan `count down' bagi mengingatkan orang ramai jumlah hari pameran yang semakin hampir, seakan-akan menghadapi temasya Sukan Komanwel '98.

Sudah tentu idea membawa pameran ini ke kawasan luar bandar mempunyai pengertian cukup mendalam. Idea untuk mencelikkan masyarakat mengenai kepentingan IT seharusnya turut dibawa ke kawasan luar bandar. Selama ini nyata sekali idea dan gagasan IT lebih tersebar di kalangan masyarakat bandar terutama selepas kerajaan mencetuskan Koridor Raya Multimedia (MSC), bandar siber, kerajaan elektronik, Sekolah Bestari dan pelbagai projek sokongan berkaitan IT.

Jika jurang perbezaan terutama pendedahan mengenai IT antara masyarakat bandar dan luar bandar ini dibiarkan berterusan, sudah tentu penduduk desa akan terus tercicir. Ini bukanlah sesuatu yang sihat terutama dalam usaha membawa masyarakat ke arah memahami, menghayati serta mengamalkan cara hidup berasaskan IT dalam urusan harian. Tidak syak lagi keperluan IT semakin mendesak dan lebih relevan dalam alaf akan datang. Dunia yang kian berubah dan kepesatan perkembangan IT memerlukan rakyat tanpa mengira sama ada di bandar atau luar bandar mempelajari sekali gus menguasainya. Tidak harus wujud sebarang prasangka kerana teknologi adalah ciptaan manusia semata-mata. Oleh itu, kita harus menguasai, mengendalikan dan memimpin teknologi ke arah kebaikan manusiawi seluruhnya. Sudah terbukti kesan IT mendatangkan manfaat cukup besar kepada kita walaupun keburukannya tidak juga dapat disangkal.

Inisiatif menganjurkan pameran Emtek '98 ini memang sesuatu yang patut dipuji, malangnya hanya 40 syarikat tempatan mengesahkan penyertaan pada pameran enam hari ini daripada 500 undangan kepada syarikat tempatan dan asing. Keadaan itu membuktikan betapa longgarnya sikap tanggungjawab sosial mereka untuk membantu mengembangkan IT kepada masyarakat luar bandar. Syarikat terbabit mempersoalkan faedah yang bakal diperolehi apabila menyertai Emtek '98 itu.

Memang diakui tekanan kegawatan ekonomi meninggalkan dampak besar kepada semua pihak termasuk syarikat IT dan multimedia untuk mengambil bahagian dalam pameran berkenaan. Barangkali lebih banyak syarikat sedia tampil untuk mengambil bahagian jika pameran ini diadakan di peringkat Kelantan, malangnya ia melaksanakannya dalam skop lebih kecil, sekadar membabitkan jajahan Pasir Mas/Tumpat walaupun sasaran khalayaknya adalah seluruh rakyat Kelantan.

Bagaimanapun, kehadiran Perdana Menteri untuk merasmikan pameran ini menunjukkan betapa beliau memberi perhatian berat dan khusus dalam bidang IT. Ini jelas menunjukkan Dr Mahathir tidak hanya memperkatakan perkara ini di kota besar semata-mata tetapi di sebuah pekan koboï seperti Tumpat pun, beliau bersedia turun menemui rakyat untuk memberi penjelasan dan penerangan. Bezanya, penyampaian dan penjelasan kepada rakyat biasa di kampung adalah dalam laras bahasa dan `idiom' yang mudah agar mereka memahami tuntutan keperluan IT bagi membantu kemajuan negara. Lebih penting lagi, bagaimana menjayakan gagasan IT secara berterusan untuk menghadapi tekanan kegawatan ekonomi negara. Sudah tentu perkara ini tidak dapat dielakkan kerana kerumitan ekonomi yang dialami sedikit sebanyak menjejaskan keupayaan kewangan syarikat besar untuk membiayai serta menjayakan program IT dan multimedia ini.

Pada perasmian Emtek '98 itu nanti, Perdana Menteri akan melancarkan I-Stock dan Homebank, yang dianggap inovasi baru dalam dunia IT. I-Stock adalah perkhidmatan laman web yang menyediakan perkhidmatan tukaran saham semasa untuk pengguna profesional dan orang ramai, manakala Homebank pula membuka peluang kepada institusi kewangan untuk meluaskan perkhidmatan perbankan kepada pengguna Internet.

Oleh itu, komitmen seluruh ahli jawatankuasa penganjur Emtek '98; penaja dan syarikat yang mengambil bahagian seharusnya dipuji ke arah melahirkan generasi celik teknologi. Bagaimanapun, upacara sambutan dengan perarakan dua ekor gajah, 2,000 bunga manggar, 500 pulut semangat, 2,000 motosikal, 40 ekor kuda, kereta berhias IT dan 200 hulubalang adalah agak berlebihan. Dalam suasana iklim ekonomi yang tidak menentu, sambutan secara sederhana adalah lebih wajar kerana yang penting ialah mesej program ini kepada rakyat.

(END)